

Shahrir mempermain Perlembagaan

JOHOR BAHRU, Isnin — Perletakan jawatan Datuk Shahrir Abdul Samad sebagai ahli Parlimen Johor Bahru untuk mengadakan pilihanraya adalah tindakan mengetepikan kepentingan rakyat di kawasan ini, kata Perdana Menteri.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pilihanraya diadakan untuk memilih wakil yang dapat berkhidmat kepada rakyat dan bukan untuk kepentingan peribadi.

Itu sebabnya dalam pilihanraya, setiap calon mengemukakan pelbagai perkara dalam manifestonya untuk membantu kehidupan rakyat.

"Malangnya, Datuk Shahrir mempermain-mainkan peruntukan perlembagaan yang ada semata-mata kerana marah kepada sesuatu dan mengetepikan kepentingan orang Johor Bahru.

"Beliau mengheret orang di sini dalam kegiatan melawan pihak tertentu dan menanam kebencian kepada orang lain khususnya 'saya'.

"Sepatutnya beliau dan pembangkang lain mengutamakan pembangunan rakyat di sini dan bukan memburuk-burukan peribadi seseorang," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian di Majlis Ramah Mesra dengan kira-kira 1,000 penduduk pelbagai kaum di kediaman Menteri Besar di sini hari ini.

Menurutnya, tindakannya bekerjasama dengan DAP yang berlainan prinsip daripada Umno menunjukkan beliau (Datuk Shahrir) sanggup mengetepikan prinsip untuk mencapai sesuatu.

"Inikah orang yang ingin menghidupkan Umno?" tanya beliau.

Perdana Menteri menjawab tohmahan yang dilemparkan oleh bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam dalam video yang diedarkan kepada pengundi di kawasan ini.

"Saya sedih dengan tindakan beliau," katanya.